

Terma & Syarat Kad Debit VISA AFFIN

PERJANJIAN PEMEGANG KAD

Atas pertimbangan Affin Bank Berhad (“AFFIN BANK”) [No. Syarikat: 197501003274 (25046-T)] dan Affin Islamic Bank Berhad (“AFFIN ISLAMIC”) [No. Syarikat: 200501027372 (709506-V)] (seterusnya secara kolektif dirujuk sebagai ‘Bank’) menyediakan kemudahan yang ditawarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad tanpa mansuh dan secara menyeluruh bersetuju dengan terma dan syarat berikut (“Terma dan Syarat”).

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Terpakai Bagi Semua Akaun Deposit/Produk/Perkhidmatan Bank untuk Akaun serta garis panduan dan peraturan-peraturan lain yang mengikat Bank. Adalah penting bagi Pemegang Kad untuk membaca dengan teliti dan memahami Terma dan Syarat dibawah sebelum menggunakan Kad.

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

- 1.1 Dalam Perjanjian Kad ini (seterusnya dirujuk sebagai ‘Perjanjian Ini’), perkataan dan frasa yang dirujuk di bawah adalah ditafsirkan seperti berikut:

“**Yuran Tahunan**” bermaksud yuran yang dikenakan kepada Pemegang Kad setiap tahun bagi perkhidmatan, faedah dan keistimewaan yang diberikan.

“**ATM**” bermaksud Mesin Teler Automatik atau mesin kendalian kad termasuk, tetapi tidak terhad kepada mesin-mesin kepunyaan AFFIN BANK/AFFIN ISLAMIC atau mana-mana ahli konsortium MEPS ataurangkaian ATM VISA Plus.

“**Transaksi ATM**” bermaksud segala urusan niaga yang dilakukan melalui ATM.

“**Pusat Pengeluaran Tunai Sah**” bermaksud mana-mana bank, ATM atau gedung yang dibenarkan menerima MasterCard atau VISA atau mana-mana pemilik jenama lain iaitu Bank merupakan ahli pengeluaran tunai.

“**Peniaga Yang Dibenarkan**” bermaksud mana-mana peniaga runcit atau orang, firma atau syarikat, dalam mana menurut perjanjian peniaga, bersetuju untuk menerima atau mengarahkan Cawangan atau saluran menerima kad apabila dikemukakan secara sah.

“**Bank**” bermaksud AFFIN BANK dan AFFIN ISLAMIC termasuk penggantinya dalam hak milik dan pemegang serah hak.

“**Cawangan**” bermaksud cawangan-cawangan AFFIN BANK dan AFFIN ISLAMIC.

“**Hari Bekerja**” bermaksud hari bila mana Bank dibuka untuk urusan perniagaan.

“**Kad**” bermaksud Kad Debit VISA AFFIN yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad, Kad Debit AFFIN Invikta™, Kad Debit AFFIN Avance™ Savvy, Kad Debit AFFIN UKM Alumni, Kad Debit AFFIN A1addin eSaver atau mana-mana kad debit VISA yang lain dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan termasuk sebarang penggantian, penggantian atau pembaharuan kad tersebut.

“**Pemegang Kad**” bermaksud orang yang menerima Kad yang telah dikeluarkan oleh Bank.

“**Akaun Kad atau Akaun**” bermaksud Akaun Simpanan atau Akaun Semasa/ Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i AFFIN (“AFFIN CASA/CASA-i”) kepunyaan Pemegang Kad untuk tujuan Perjanjian ini.

“**Transaksi Dengan Kad**” bermaksud transaksi di mana Pemegang Kad menyerahkan Kad secara fizikal untuk diperiksa secara visual oleh peniaga pada masa bayaran untuk sesuatu transaksi dibuat. Transaksi Dengan Kad termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pengeluaran wang tunai di ATM dan pembelian runcit.

“**Transaksi Tanpa Kad**” bermaksud transaksi Kad untuk pembayaran di mana Kad fizikal tidak ada secara fizikal di tempat jualan.

“**Pengeluaran Wang Tunai**” merujuk kepada pengeluaran wang tunai daripada Akaun Kad di Cawangan atau di mana-mana ATM bank yang ditetapkan dan ATM VISA yang menyertai serta ahli ATM bank.

“**Transaksi Tanpa Sentuh**” bermaksud transaksi menggunakan Kad yang diproses tanpa Kad diletakkan dan/atau dimasukkan ke Terminal Tempat Jualan.

“**ID Korporat**” bermaksud pengenalan log masuk korporat yang dipilih atau dicipta oleh Pelanggan yang terdiri daripada rentetan aksara semasa pertama kali pendaftaran.

“**Had Belanja Harian**” bermaksud had maksima harian yang ditetapkan yang boleh didebit daripada Akaun Pemegang Kad.

“**e-perbankan**” bermaksud peruntukan produk dan perkhidmatan perbankan melalui saluran elektronik termasuk menerusi Internet, peralatan mudah alih, telefon, mesin teler automatic (ATM) dan apa-apa saluran elektronik lain.

“**Terminal Penangkapan Draf Elektronik**” atau “**Terminal EDC**” bermaksud mana-mana terminal elektronik yang mampu membaca jalur magnetik atau cip pada Kad.

“**Yuran dan Caj**” bermaksud yuran dalam Fasal 8.

“**ID Log Masuk**” bermaksud nama log masuk yang dipilih atau dicipta oleh Pelanggan yang terdiri daripada rentetan aksara semasa pendaftaran kali pertama. Pelanggan e-perbankan dikehendaki untuk mengenal pasti pengguna log masuk sebelum memberikan akses kepada e-perbankan.

“**MCCS**” bermaksud Malaysian Chip Card Specification, iaitu spesifikasi Cip dan PIN untuk Kad debit domestik.

“**Kata Laluan**” bermaksud rentetan aksara unik (termaksud abjad, angka dan simbol terpilih) yang dipilih oleh Pelanggan dan hanya diketahui oleh Pelanggan yang akan disahkan oleh Bank bersama ID Log Masuk dan ID Korporat untuk mendapatkan akses kepada e-perbankan.

“**PIN**” bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad untuk membolehkan pencapaian transaksi menggunakan Kad di ATM atau terminal POS elektronik.

“**PIN Kiriman Surat**” bermaksud dokumen yang mengandungi ID Log Masuk Pelanggan dan ID Korporat untuk mengakses e-perbankan yang dikeluarkan oleh AFFIN BANK kepada Pelanggan melalui e-mel.

“**Pad Pin**” merujuk kepada peranti yang disambungkan atau merupakan sebahagian daripada Terminal EDC di mana Pemegang Kad membenarkan transaksi dengan memasukkan PIN pada Pad Pin.

“**Terminal Tempat Jualan**” atau “**terminal POS**” bermaksud peranti yang digunakan untuk memproses pembayaran oleh peniaga di mana-mana lokasi runcit.

“**Penyata**” bermaksud penyata AFFIN CASA/CASA-i milik Pemegang Kad yang akan dihantar kepada Pemegang Kad.

“**Resit Transaksi**” bermaksud slip-slip yang relevan, borang, atau bahan bercetak yang diberi oleh pihak bank untuk tujuan merekod, mengesahkan, dan membuktikan pembelian

produk dan perkhidmatan oleh Pemegang Kad melalui penggunaan Kad yang akan dicaj ke atas Akaun Kad.

“**VISA Plus**” bermaksud rangkaian antara bank yang merangkumi semua kad VISA kredit, debit dan prabayar, dan juga kad ATM yang dikeluarkan oleh bank seluruh dunia.

“**VISA**” atau “**VISA International**” bermaksud Pertubuhan Perkhidmatan Visa International, sebuah pertubuhan yang diperbadankan di Negeri Delaware, Amerika Syarikat.

- 1.2 Perkataan dalam Terma dan Syarat ini yang merujuk kepada tunggal hendaklah termasuk majmuk dan sebaliknya; dan jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan jantina neutral dan sebaliknya.

Di mana terdapat dua atau lebih individu yang terkandung dalam istilah "Pelanggan" merujuk kepada semua arahan, perjanjian dan kewajipan yang dianggap telah dikeluarkan oleh dan mengikat individu-individu tersebut secara bersama-sama dan berasingan dan pihak Bank boleh bertindak atas notis atau arahan sedemikian tanpa pertanyaan; dan apa-apa notis yang diberikan oleh pihak Bank kepada mana-mana individu tersebut adalah notis yang mencukupi kepada semua pemegang Akaun. Sekiranya Pelanggan telah melantik Pengguna Yang Dibenarkan, semua rujukan kepada "Pelanggan" juga akan merujuk kepada Pengguna Yang Dibenarkannya.

Rujukan kepada masa sehari hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada masa Malaysia dan merujuk kepada mana-mana undang-undang termasuk apa-apa pindaan kepada undang-undang.

2. PERMOHONAN DAN PENERIMAAN KAD

- 2.1 Pemegang Kad Bank yang mempunyai Akaun dan berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan pemegang Akaun bawah umur iaitu dua belas (12) tahun ke atas layak untuk memohon Kad. Dalam kes Akaun bersama, hanya pemegang Akaun bersama yang mempunyai arahan “ditandatangani oleh salah satu” boleh memohon Kad.
- 2.2 Permohonan untuk memohon Kad mestilah dibuat sendiri atau oleh wakil yang dibenarkan menggunakan borang yang disediakan oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan Bank, seperti keperluan umur, rujukan dan dokumen sokongan seperti yang dinyatakan oleh Bank. Bank boleh mengubah keperluan-keperluan itu dari masa ke semasa.
- 2.3 Pemohon yang berumur lapan belas (18) tahun ke bawah mestilah melengkapkan borang permohonan dimana ibu bapa atau penjaga yang sah dikehendaki menandatangani surat tanggungan dan menyerahkannya kepada Bank dengan dokumen sokongan seperti yang dinyatakan oleh Bank. Bank boleh mengubah keperluan-keperluan itu dari masa ke semasa.
- 2.4 Kad yang dikeluarkan untuk remaja bawah umur antara dua belas (12) sehingga tujuh belas (17) tahun dengan had transaksi RM300.00.
- 2.5 Pemegang Kad dikehendaki untuk memilih PIN melalui peranti Pad Pin yang terletak di Cawangan semasa permohonan Kad untuk tujuan menguatkuasakan transaksi ATM dan di terminal POS elektronik.
- 2.6 Untuk pembukaan akaun secara pukal, Bank akan mengeluarkan PIN sementara melalui PIN Kiriman Surat kepada Pemegang Kad bagi tujuan melakukan transaksi ATM dan di terminal POS elektronik.
- 2.7 Dengan penerimaan Kad, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk:
- mematuhi Terma dan Syarat penggunaan Kad
 - mengambil langkah munasabah untuk memastikan Kad dan PIN selamat pada setiap

- masa, termasuklah di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
- i. mendedahkan butiran atau PIN Kad kepada orang lain;
 - ii. menulis PIN pada Kad atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
 - iii. menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Kad; dan
 - iv. membenarkan orang lain menggunakan Kad dan PIN; dan
 - v. melakukan penipuan
- c. memaklumkan Bank dengan secepat mungkin dalam jangka masa yang munasabah selepas mendapati Kad hilang, dicuri, berlaku transaksi yang tidak dibenarkan atau kemungkinan PIN terdedah;
 - d. memaklumkan Bank serta merta apabila menerima makluman Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) tentang transaksi jika transaksi itu tidak dibenarkan;
 - e. memaklumkan Bank serta merta jika ada penukaran nombor telefon Pemegang Kad;
 - f. menggunakan Kad secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
 - g. menyemak Penyata Akaun Kad dan melaporkan apa-apa kelainan dengan kadar segera.
- 2.8 Bank, menurut budi bicaranya, boleh menolak mana-mana permohonan Kad tanpa memberi sebab. Pengendalian Kad adalah dalam pertimbangan Bank sepenuhnya.
- 2.9 Dengan mengeluarkan Kad kepada Pemegang Kad, Bank bersetuju untuk menyediakan kemudahan penggunaan Kad kepada Pemegang Kad tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
- 2.10 Sekiranya Pemegang Kad tidak mahu terikat dengan Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad hendaklah memotong dua Kad di bahagian jalur magnetik dan cip dan memastikan bahagian itu rosak sepenuhnya serta memulangkannya serta merta kepada Bank dengan notis bertulis bahawa pemulangan Kad adalah untuk tujuan pembatalan Kad. Walau apa pun, Pemegang Kad masih bertanggungjawab atas segala tanggungan dan transaksi yang berlaku sebelum pembatalan serta mana-mana dan segala pelanggaran sebelumnya berkenaan Perjanjian ini. Tiada pemulangan sebarang bahagian yuran tahunan dan cukai perkhidmatan akan dibuat kepada Pemegang Kad.

3. PENGGUNAAN KAD

- 3.1 Pemegang Kad dibenarkan untuk membeli produk dan perkhidmatan dalam talian dan diberi akses kepada wang tunai daripada ATM yang memaparkan tanda MEPS dan VISA atau VISA Plus untuk tujuan pengeluaran wang tunai dari Akaun. Namun begitu, Pemegang Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia di ATM yang memaparkan logo MEPS dan VISA atau VISA Plus untuk tujuan pembelian dan pengeluaran wang tunai hanya bersamaan dengan baki amaun yang ada dalam Akaun dan terhad kepada had yang ditentukan oleh Bank.
- 3.2 Bagi membolehkan pembelian menggunakan Kad di mana-mana Peniaga Yang Dibenarkan, Pemegang Kad boleh mengesahkan transaksi dengan
- i. memasukkan PIN di terminal POS; atau
 - ii. melakukan Transaksi Tanpa Sentuh. Mana-mana resit pengesahan dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh Peniaga Yang Dibenarkan untuk sekutunya akan diambil kira sebagai bukti dokumen memuaskan berkenaan penggunaan Kad dan Pemegang Kad mestilah mematuhi Terma dan Syarat ini.
- 3.3 Sebarang pengeluaran tunai oleh Ahli Kad akan didebitkan terus daripada Akaun. Had Pengeluaran Tunai dimungkirkan pada RM3,000 tertakluk kepada had maksimum RM5,000 dalam jumlah terkumpul sehari dan had maksimum RM1,500 setiap transaksi pengeluaran. Had tersebut boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa. Pemegang Kad boleh menukar tetapan Had Pengeluaran Tunai dengan melawati cawangan AFFIN BANK/AFFIN ISLAMIC atau mesin ATM milik Bank..

- 3.4 Had perbelanjaan harian akan ditetapkan pada RM5,000 dan tertakluk kepada had maksimum RM10,000 dalam jumlah terkumpul setiap hari. Pemegang Kad boleh mengubah had pembelian harian dengan mengunjungi Cawangan AFFIN BANK/AFFIN ISLAMIC atau mesin ATM milik Bank.
- 3.5 Had perbelanjaan harian untuk Transaksi Tanpa Sentuh boleh diubah pada bila-bila masa oleh Pemegang Kad melalui Cawangan kami atau dengan cara lain yang ditentukan oleh pihak Bank pada masa akan datang tertakluk kepada had gabungan harian. Untuk Transaksi Tanpa Sentuh, jumlah maksimum adalah terhadap kepada RM250.00 bagi setiap transaksi. Walaubagaimanapun, Pemegang Kad boleh mengubah had pembelian harian dengan mengunjungi Cawangan kami. Sekiranya nilai Transaksi Tanpa Sentuh melebihi jumlah had, Pemegang Kad dikehendaki untuk memasukkan PIN di terminal POS dan meneruskan kemasukan PIN.
- 3.6 Transaksi debit diambil kira sebagai transaksi pengeluaran wang tunai dan Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank untuk mendebit Akaun mereka dengan amaun penuh bil-bil yang tertanggung daripada penggunaan Kad.
- 3.7 Pemegang Kad mengakui bahawa baki yang tertera di ATM, internet atau terminal atau saluran lain seumpamanya yang dapat diakses oleh Pemegang Kad tidak termasuk deposit yang belum disahkan oleh Bank dan cek-cek yang dikeluarkan oleh Pemegang Kad yang belum diproses oleh Bank. Baki yang tertera melalui ATM, internet dan terminal atau saluran lain seumpamanya tidak boleh diambil kira sebagai keadaan muktamad Akaun Pemegang Kad.
- 3.8 Pemegang Kad harus menanggung semua tanggungjawab untuk semua transaksi yang dibuat menggunakan Kad, sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad, dan Pemegang Kad menerima rekod transaksi Bank sebagai muktamad dan mengikat dalam semua tujuan. Pemegang Kad seterusnya bersetuju untuk melepaskan apa-apa dan semua hak dan remedi yang berkaitan dengannya kepada Bank. Apa-apa pindahan dana melalui ATM diambil kira sebagai muktamad dan selesai apabila mesin ATM berjaya melaksanakan arahan debit dari Akaun Pemegang Kad dan kredit kepada akaun penerima.
- 3.9 Jika Pemegang Kad menggunakan Kad untuk pembelian produk dan/atau perkhidmatan melalui laman internet atau portal dalam talian, Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan penggunaan tersebut pada setiap masa. Pemegang Kad akan diminta untuk memasukkan Kata Laluan Sekali Guna (OTP) yang dihantar melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) kepada nombor telefon mudah alih Pemegang Kad yang didaftar. Pemegang Kad bersetuju yang kemasukan maklumat Kad dalam talian adalah bukti yang cukup untuk mengesahkan arahan tersebut.
- 3.10 Semua urusan debit yang ditunjukkan dalam Akaun Pemegang Kad adalah dalam masa nyata yang membolehkan Pemegang Kad mengesahkan urusan niaga serta-merta melalui perbankan internet.
- 3.11 Bank berhak menyifatkan rekod Bank tentang mana-mana transaksi menggunakan Kad termasuk, tetapi tidak terhadap kepada, transaksi melalui internet, pesanan pos, telefon atau terminal POS khusus termasuk, tetapi tidak terhadap kepada, transaksi di kiosk petrol dan/atau apa-apa cara lain yang boleh diperkenalkan/dilaksanakan dari masa ke semasa sebagai bukti penggunaan Kad dengan sah oleh Pemegang Kad untuk didebit ke Akaun Pemegang Kad.
- 3.12 Dengan pengaktifan jalur magnetik untuk transaksi Seberang Sempadan, Pemegang Kad mestilah
- Menerima tanggungjawab penuh risiko pengklonan Kad.
 - Menukar PIN sekembalinya ke Malaysia selepas membuat sebarang pengeluaran wang tunai di luar negara (Indonesia, Singapura, Thailand dan China).
 - Menyemak transaksi akaun sekembalinya ke Malaysia dan menyahaktifkan kemudahan ATM Pautan Serantau di mana-mana Cawangan AFFIN BANK dan

AFFIN ISLAMIC.**4. CIP DAN PIN – PIN dan penggunaan Kad dimana berkenaan**

- 4.1 Untuk tujuan menguatkuasakan urusan debit dengan Kad, Pemegang Kad dikehendaki untuk memilih PIN melalui peranti Pad Pin yang terletak di Cawangan semasa permohonan Kad.
- 4.2 Untuk pembukaan akaun secara pukal, Bank akan memperuntukkan PIN sementara kepada Pemegang Kad melalui PIN Kiriman Surat. Selepas sahaja PIN sementara diterima, Pemegang Kad hendaklah menukar PIN sementara di ATM milik Bank dan/atau lain-lain saluran selamat yang dibenarkan oleh Bank.
- 4.3 Jika Pemegang Kad terlupa PIN, Bank akan mengeluarkan Kad gantian apabila permohonan Pemegang Kad diterima.
- 4.4 Sekiranya Kad hilang atau dicuri, atau nombor PIN telah terdedah kepada mana-mana pihak yang lain, Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank dengan serta merta dan diikuti dengan notis bertulis berserta laporan polis. Kad dan PIN baru akan dikeluarkan setelah permohonan dari Pemegang Kad diterima. Pemegang Kad tidak boleh menggunakan PIN sedia ada untuk Kad gantian.
- 4.5 Pemegang Kad mestilah merahsiakan PIN dan tidak mendedahkan PIN kepada sesiapa dalam apa-apa keadaan sekalipun. Sekiranya PIN terdedah kepada mana-mana pihak lain, Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank dengan serta merta dan diikuti dengan notis bertulis beserta laporan polis.
- 4.6 Apabila memilih PIN, Pemegang Kad hendaklah tidak memilih PIN yang ketara atau dapat diteka, termasuklah yang:
 - a. terdiri daripada tarikh lahirnya;
 - b. jika abjad, boleh dikenalpasti sebagai sebahagian daripada namanya;
 - c. terdiri daripada nombor berturut (contohnya 123456, 654321 dll);
 - d. terdiri daripada nombor yang sama (contohnya 111111); atau
 - e. terdiri daripada nombor yang diulang (contohnya 112233, 123123).
- 4.7 Pemegang Kad mestilah memastikan bahawa amaun yang tertera adalah betul sebelum menandatangani mana-mana Resit Transaksi atau rekod transaksi dan sebelum memasukkan PIN Pemegang Kad di mana-mana terminal POS elektronik yang memerlukan PIN Pemegang Kad. Dengan menandatangani Resit Transaksi atau rekod transaksi atau memasukkan PIN Pemegang Kad atau menggunakan Kad di mana-mana terminal POS, Pemegang Kad disifatkan sebagai bersetuju dengan transaksi dan telah mengesahkan amaun adalah betul.
- 4.8 Merujuk kepada Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad mengizinkan dan bersetuju bahawa PIN akan dijadikan kaedah pengesahan transaksi Pemegang Kad di terminal POS elektronik.

5. TRANSAKSI TANPA SENTUH

- 5.1 MCCS Contactless – kaedah pembayaran tanpa sentuh melalui rangkaian MyDebit yang boleh dilakukan di mana-mana terminal POS yang mempamerkan logo MCCS tanpa sentuh.
- 5.2 VISA PayWave – kaedah pembayaran tanpa sentuh melalui rangkaian VISA yang boleh dilakukan di mana-mana terminal POS yang mempamerkan logo VISA PayWave.
- 5.3 Setiap Transaksi Tanpa Sentuh terhad kepada RM250.00 setiap transaksi. Sekiranya nilai Transaksi Tanpa Sentuh melebihi RM250.00 untuk setiap Transaksi dan/atau sampai had gabungan harian RM250.00 Transaksi Tanpa Sentuh, Pemegang Kad dikehendaki untuk memasukkan PIN di terminal POS sebelum boleh meneruskan transaksi.

- 5.4 Transaksi Tanpa Sentuh tertakluk kepada had pembelian harian.
- 5.5 Pemegang Kad dibenarkan melaksanakan pilihan berikut pada bila-bila masa dengan mengunjungi Cawangan terdekat:
 - a. Mematikan atau memilih keluar daripada Transaksi Tanpa Sentuh
 - b. Untuk menentukan had yang lebih rendah daripada had maksimum harian dan had gabungan harian.
- 5.6 Dengan pengaktifan fungsi pembelian Tanpa Sentuh kad MyDebit dan VISA, Pemegang Kad mestilah:
 - i. Menanggung tanggungjawab penuh risiko transaksi pembelian tanpa PIN di mana-mana terminal POS.
 - ii. Memastikan MyDebit dan VISA tersebut sentiasa berada dalam simpanannya dan tidak menyerahkan jagaan dan memberi kebenaran kepada pihak ketiga untuk Transaksi Tanpa Sentuh di mana-mana peranti terminal tanpa sentuh.

6. ARAHAN TELEKOMUNIKASI

- 6.1 Bank akan mengesahkan identiti Pemegang Kad melalui proses keselamatan yang telah ditentukan oleh Bank (yang boleh ditukar dari masa ke semasa).
- 6.2 Bank tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad di atas apa-apa kerugian atau kerosakan dalam menurut atau meninggalkan arahan-arahan tersebut.
- 6.3 Pemegang Kad hendaklah mengakui perkara yang berikut bahawasanya:
 - a. Bank boleh merakam semua perbualan telefon antara Pemegang Kad dan wakil Bank bagi tujuan pantauan dan semakan untuk mengelakkan timbulnya kekeliruan;
 - b. Bank tidak akan bertanggungjawab jika perbualan telefon tersebut didengari oleh pihak ketiga tanpa kebenaran.
- 6.4 Pemberian kuasa untuk arahan melalui telefon, telefon mudah alih, emel dan faksimili:
 - a. Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk bergantung pada dan bertindak sejajar dengan sebarang notis, arahan tuntutan atau komunikasi lain yang diberi melalui telefon, e-mel atau faksimili oleh Pemegang Kad atau bagi pihaknya dan Bank berhak untuk menganggap arahan tersebut sebagai pemberian kuasa penuh oleh Pemegang Kad dan Bank berhak mengambil langkah yang dianggap wajar bergantung kepada arahan yang diterima.

7. TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI

- 7.1 Kad adalah kekal sebagai harta Bank pada setiap masa dan Pemegang Kad tidak boleh memindah milik atau sebaliknya melepaskan kawalan atau pegangan Kad Kredit bagi sebarang penggunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 7.2 Sekiranya Kad tersebut hilang dan/atau dicuri ataupun PIN telah terdedah kepada sesiapa yang tidak mempunyai kuasa, Pemegang Kad hendaklah dengan serta-merta, memberitahu pihak Bank melalui telefon, e-mel, faksimili ataupun melalui pemberitahuan secara bertulis. Satu salinan laporan polis hendaklah dihantar kepada pihak Bank dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh transaksi tidak sah berlaku.
- 7.3 Pemegang Kad tidak boleh dipertanggungjawabkan oleh pihak Bank terhadap:
 - a. Transaksi Kad tidak sah dimana pengesahan PIN diperlukan, kecuali Pemegang Kad terbukti:
 - i. bertindak menipu;
 - ii. tidak memaklumkan kepada Bank kehilangan atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan secepat mungkin;
 - iii. mendedahkan PIN dengan sengaja kepada orang lain; atau

- iv. mencatat PIN pada Kad, atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad, dan boleh hilang atau dicuri bersama Kad.
 - b. Transaksi Kad tidak sah dimana pengesahan tandatangan diperlukan atau penggunaan Kad tanpa sentuh, kecuali Pemegang Kad terbukti telah:
 - i. bertindak menipu;
 - ii. tidak memaklumkan Bank kehilangan atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan secepat mungkin;
 - iii. meninggalkan Kad atau barang yang mengandungi Kad tanpa diselia, di tempat yang dapat dilihat dan dicapai oleh orang lain, kecuali di kediaman Pemegang Kad. Pemegang Kad diharap untuk menjaga keselamatan Kad dengan teliti walaupun di kediaman Pemegang Kad; atau
 - iv. dengan sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad.
 - c. Transaksi e-perbankan, kecuali Pemegang Kad terbukti telah:
 - i. bertindak menipu;
 - ii. dengan sengaja mendedahkan identiti akses (ID) dan kata laluan kepada sesiapa, melalui e-mel tanpa diminta atau apa-apa laman web selain daripada laman web rasmi Bank;
 - iii. tidak mengambil langkah wajar untuk memastikan peranti keselamatan selamat pada setiap masa; atau
 - iv. gagal menjalankan tanggungjawab untuk melaporkan pelanggaran kod keselamatan atau kehilangan peranti keselamatan secepat mungkin, apabila Pemegang Kad sedar tentang pelanggaran keselamatan atau kehilangannya.
 - d. Debit langsung atau transaksi Tanpa Kad, apabila Pemegang Kad terbukti:
 - i. bertindak menipu; atau
 - ii. gagal menjalankan tanggungjawab untuk melaporkan transaksi tanpa kebenaran secepat mungkin, apabila Pemegang Kad sedar tentang transaksi tersebut.
- 7.4 Pemegang Kad hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Bank jika Pemegang Kad menyedari akan apa-apa transaksi tidak dibenarkan/mencurigakan. Bank boleh dihubungi untuk tujuan tersebut melalui Pusat Panggilan di 03-8230 2222.
- 7.5 Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan penerima pemindahan dana kerana Bank tidak akan berbuat demikian. Semua transaksi menggunakan Kad untuk pengendalian Akaun bersama mengikat semua pemegang Akaun secara bersama dan berasingan. Pemegang Kad tidak akan mempertanggungjawabkan Bank dengan sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan yang disebabkan oleh penggunaan Kad walau apa pun sebabnya akibat apa-apa kecacatan mekanikal atau kerosakan ATM atau Kad tidak diterima atau sebaliknya.
- 7.6 Pemegang Kad adalah bertanggungjawab atas kesemua pengeluaran wang tunai melalui ATM.
- 7.7 Pemegang Kad bersetuju dan beraku janji untuk membayar segala caj yang dikenakan dengan budi bicara Bank dari masa ke semasa berkenaan dengan pengeluaran/penggantian / yuran tahunan dan untuk transaksi yang dilakukan Pemegang Kad dengan menggunakan Kad.
- 7.8 Di atas permintaan Pemegang Kad, pihak Bank boleh menggantikan Kad yang hilang atau dicuri sebaik sahaja pembayaran penalti penggantian sebanyak RM12.00 dibuat.
- 7.9 Segala penggantian dan pembaharuan Kad adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berkuatkuasa pada tarikh penggantian atau pembaharuan.
- 7.10 Pemegang Kad hendaklah memotong Kad di bahagian jalur magnetik dan cip dan memulangkan Kad dengan serta merta selepas pembatalan, pemansuhan atau penggantungan (yang diarahkan oleh Bank) atau Kad dijumpai semula selepas notis hilang dan Pemegang Kad tidak berhak untuk menggunakan Kad tersebut lagi.

- 7.11 Mana-mana transaksi yang direkod Bank akibat penggunaan Kad adalah muktamad dan mengikat terhadap Pemegang Kad.
- 7.12 Segala transaksi yang dipertikaikan akan disiasat dan keputusannya dimaklumkan apabila tiba waktunya. Permintaan untuk pembayaran balik serta merta adalah tertakluk kepada budi bicara Bank.
- 7.13 Pemegang Kad adalah bertanggungjawab atas segala transaksi yang di caj kepada Pemegang Kad.
- 7.14 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk menggunakan Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti pertaruhan haram dalam talian. Bank boleh menggunakan budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa memutuskan untuk tidak memperbaharui, membatalkan, memansuhkan Kad atau menggantung atau menyekat penggunaan Kad oleh Pemegang Kad jika Pemegang Kad telah didapati menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 7.15 Segala bayaran untuk pembelian produk dan perkhidmatan dengan menggunakan Kad, yuran tahunan dan lain-lain caj akan didebit daripada Akaun Kad dan ditunjukkan dalam Penyata atau di kaunter untuk Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i berasaskan buku simpanan.
- 7.16 Rekod dan catatan Akaun Kad yang tertera dalam Penyata dianggap betul dan mengikat Pemegang Kad melainkan notis melalui telefon, e-mel atau notis bertulis beserta laporan polis diterima dalam jangka masa empat belas hari (14) hari selepas tarikh Penyata.
- 7.17 Bank akan membuat apa-apa pelarasan dan pembedahan ke atas Akaun Pemegang Kad (jika ada) setelah menerima notis daripada Pemegang Kad.
- 7.18 Untuk transaksi pra-kebenaran contohnya petrol dan penginapan hotel, amaun yang dibenarkan akan dipotong daripada Akaun Kad Pemegang Kad dan seterusnya dilaraskan setelah amaun yang sebenar digunakan telah dilangsaikan.
- a. Untuk transaksi petrol di pam petrol, amaun pra-kebenaran sebanyak RM200.00 akan dicaj ke Akaun Kad apabila Pemegang Kad membuat pembayaran menggunakan Kad. Pihak Bank akan hanya mengepos amaun transaksi yang sebenar dan menjelaskan mana-mana lebihan amaun yang ditahan daripada AFFIN CASA/CASA-i Ahli Kad dalam masa tiga (3) hari bekerja selepas tarikh transaksi.
- b. Untuk transaksi hotel, amaun pra-kebenaran (bergantung kepada tempoh penginapan) akan dicaj semasa daftar masuk ke hotel. Amaun pra-kebenaran tersebut akan dipotong daripada AFFIN CASA/CASA-i Ahli Kad dan seterusnya dilaraskan apabila amaun sebenar yang digunakan telah dilangsaikan atau tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi, yang mana lebih awal.
- 7.19 Jika sekiranya baki yang ada dalam Akaun tidak mencukupi untuk bayaran apa-apa transaksi atau amaun lain yang perlu dibayar daripada Akaun, termasuk apa-apa yuran, caj atau bayaran kepada Bank, Bank boleh dengan budi bicara mutlaknyanya (dan tanpa kewajipan untuk berbuat demikian) memindahkan atau menguruskan untuk pindahan dana yang mencukupi dari mana-mana akaun lain kepunyaan Pemegang Kad dengan Bank, kepada Akaun.
- 7.20 Walau apa pun yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, jika sekiranya baki yang ada dalam Akaun Kad tidak mencukupi untuk bayaran apa-apa transaksi atau amaun lain yang terakru daripada Akaun, termasuk apa-apa yuran, caj atau bayaran kepada Bank, disebabkan apa-apa sebab termasuk apa-apa kebenaran yang salah diberikan atau apa-apa kesilapan Bank seperti kesilapan dalam mengkredit apa-apa amaun ke Akaun Kad

atau kesilapan mendebit apa-apa amaun ke Akaun Kad disebabkan kesalahan atau kesilapan, Pemegang Kad bersetuju yang Bank mempunyai hak mutlak untuk membuat pelarasan dan pembetulan dan mendebit Akaun Kad sewajarnya dan Pemegang Kad dengan ini tanpa mansuh dan dengan tanpa syarat bersetuju untuk membayar apa-apa amaun yang didebit ke Akaun Kad.

- 7.21 Bank berhak untuk membatalkan atau menggantung penggunaan Kad pada bila-bila masa atau tidak mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan Kad tanpa memberi sebab atau notis awal. Pemegang Kad mestilah tidak menggunakan Kad setelah dimaklumkan tentang pembatalan atau penggantungan oleh Bank dan Pemegang Kad berjanji untuk memulangkan Kad tersebut serta merta apabila notis diberi. Pemegang Kad boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis atau dengan menutup akaun dengan Bank dan Pemegang Kad dengan ini berjanji untuk memulangkan Kad kepada Bank dengan serta merta.
- 7.22 Jika sekiranya berlaku sebarang kesalahan atau kesilapan atau apa-apa sebab lain yang menyebabkan perlunya pelarasan, penarikbalikan atau pembatalan perlu dibuat kepada transaksi dalam buku simpanan/Akaun Kad atau untuk mendebit Akaun Kad untuk menunjukkan amaun yang betul, Bank berhak untuk membuat pelarasan/ penarikbalikan/ pembatalan yang sepatutnya dan Pemegang Kad dengan ini tanpa mansuh dan dengan tanpa syarat bersetuju untuk membayar apa-apa amaun yang didebit ke Akaun Kad. Sebarang catatan di dalam buku simpanan dan/atau penyata Akaun yang diperbetulkan sedemikian hendaklah mengikat Ahli Kad.
- 7.23
- a. Di mana berkenaan, Pemegang Kad hendaklah patuh dengan Notis Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan dengan mana-mana transaksi, termasuk transaksi luar negara, sebagaimana dinyatakan di dalam laman sesawang BNM.
 - b. Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mengambil apa-apa langkah untuk mematuhi yang berkaitan dan Notis Pertukaran Asing semasa dan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa berkenaan dengan apa-apa transaksi Kad. Di mana berkenaan, Ahli Kad hendaklah mematuhi Notis Pertukaran Asing sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan menggunakan Kad dalam had dan peruntukan yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia sebagai 'Pihak Berkuasa Kawalan Pertukaran'.
 - c. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab untuk mematuhi apa-apa peraturan dan had, dan pindaan dan Ahli Kad hendaklah menanggung rugi dan melindungi Bank daripada dan terhadap semua tuntutan, liabiliti dan kerosakan yang timbul daripada kegagalan Pemegang Kad untuk mematuhi sedemikian.
 - d. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab di atas pencabulan atau ketidakpatuhan terhadap peraturan-peraturan tersebut dan sebarang pindaan terhadapnya.
- 7.24 Kad yang dipautkan ke Akaun Simpanan-i AFFIN ISLAMIC atau Akaun Semasa-i hanya akan menggunakan Kad untuk tujuan patuh Syariah. Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk penggunaan Kad pada peniaga yang aktiviti perniagaannya tidak patuh Syariah.

8. YURAN & CAJ

- 8.1 Pemegang Kad dengan ini tanpa mansuh dan dengan tanpa syarat bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Kad dengan yuran dan caj berikut:

Yuran	Tahun pertama: DIKECUALIKAN. Tahun-tahun berikutnya: RM12.00 setahun RM8.00 (dikenakan kepada Akaun Asas AFFIN CASA/CASA-i)
Kad Gantian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Akibat kehilangan atau kecurian Kad, kehilangan PIN atau kerosakan Kad oleh Pemegang Kad - RM12.00 ▪ Akibat pemulangan Kad disebabkan kecacatan teknikal atau ditarik balik oleh Bank untuk penggantian – Dikecualikan ▪ Akibat transaksi penipuan atau maklumat dikompromi – Dikecualikan
Fi Pertanyaan Baki melalui ATM AFFIN BANK dan AFFIN ISLAMIC	Tanpa caj
Pengeluaran melalui ATM AFFIN BANK dan AFFIN ISLAMIC	Tanpa caj
Yuran Pengeluaran melalui ATM Bank Lain/MEPS	<ul style="list-style-type: none"> ▪ RM1.00 setiap pengeluaran/transaksi di ATM MEPS bank ahli tempatan termasuk Kuwait Finance House dan Al-Rajhi Bank. ▪ RM1.00 setiap pengeluaran di ATM Bank Asing tempatan (Citibank, Standard Chartered, UOB, HSBC & OCBC) melalui rangkaian MEPS ▪ RM12.00 setiap pengeluaran di MEPS bank ahli seberang sempadan (Indonesia, Singapura, China & Thailand) ▪ RM12.00 setiap pengeluaran melalui rangkaian VISA.
Pemindahan Segera (IBFT) MEPS melalui ATM	<ul style="list-style-type: none"> ▪ RM0.01 – RM5,000 = Pengecualian Fi ▪ RM5,001 – RM50,000 = RM0.50 setiap transaksi
Interbank GIRO melalui ATM	<ul style="list-style-type: none"> ▪ RM0.10 setiap transaksi
Salinan Draf Jualan	RM10.00 setiap salinan
Yuran Pertukaran Transaksi Luar Negeri	Apabila Pemegang Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi yang dibuat akan ditukarkan ke Ringgit Malaysia dimana kadar tukaran ditentukan oleh VISA International pada tarikh ia diproses oleh VISA International dan ditambah sehingga 1% kadar hasil tukaran asing (sebelum ini dikenali sebagai kos pentadbiran)

- 8.2 Lain-lain yuran dan caj yang wajar dikenakan oleh Bank dari masa ke semasa untuk perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad dengan memberi Pemegang Kad notis dua puluh satu (21) Kalendar hari sebelum tarikh pelaksanaan.
- 8.3 Caj Perkhidmatan dan kadar yang akan ditentukan dari masa ke semasa atas budi bicara Bank untuk kos dan perbelanjaan bagi perkhidmatan yang disediakan dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari Kalendar sebelum tarikh pelaksanaan atau perubahan caj atau kadar.
- 8.4 Yuran guaman (berdasarkan Peguam Cara dan Klien) dan lain-lain perbelanjaan yang dikeluarkan Bank dalam menguatkuasakan hak dan kelayakannya dan memungut semula wang yang terhutang oleh Pemegang Kad dibawah Akaun Kad.
- 8.5 Walau apa pun peruntukan di atas, Bank dari masa ke semasa berhak menggunakan budi bicaranya untuk menukar kadar atau cara pengiraan yuran tahunan, caj pengendalian, caj

tambahan dan caj kewangan dengan memberikan notis dua puluh satu (21) Kalendar hari sebelumnya kepada Pemegang Kad.

9. PERTIKAIAN

- 9.1 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian Pemegang Kad terhadap mana-mana institusi kewangan, Pusat Pengeluaran Tunai Sah atau Peniaga Yang Dibenarkan tidak melepaskan Pemegang Kad daripada tanggungjawab dan liabilitinya terhadap transaksi terbabit. Seterusnya, Pemegang Kad beraku janji untuk tidak membabitkan Bank dalam tuntutan dan/atau pertikaian atau tindakan undang-undang terhadap Pusat Pengeluaran unai Sah atau Peniaga Yang Dibenarkan tersebut.
- 9.2 Apa-apa aduan tentang produk dan perkhidmatan yang dibeli menggunakan Kad mestilah diselesaikan terus oleh Pemegang Kad dengan Peniaga Yang Dibenarkan atau Pusat Pengeluaran Tunai Sah yang terlibat.
- 9.3 Pemegang Kad hendaklah menghubungi dan memaklumkan peniaga secara langsung berkenaan pembatalan Kad dan bil berulang atau arahan tetap yang dipersetujui antara peniaga dan Pemegang Kad. Pemegang Kad bersetuju bahawa apa-apa tuntutan atau pertikaian berkenaan bil berulang atau arahan tetap mestilah diketengahkan kepada peniaga, dan Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun dalam hal tersebut.
- 9.4 Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada Pemegang Kad untuk mengendala, memberhenti atau menggantung apa-apa bil Transaksi, penyelesaian atau bayaran berkaitan dengan apa-apa aduan, tuntutan atau pertikaian oleh Pemegang Kad terhadap mana-mana Peniaga Yang Dibenarkan atau Pusat Pengeluaran Tunai Sah.
- 9.5 Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank tentang apa-apa kesilapan dalam Penyata Akaun Pemegang Kad atau kemungkinan transaksi tidak dibenarkan berhubungan dengan Kad dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh Penyata.
- 9.6 Pemegang Kad hendaklah memberikan notis tersebut serta merta setelah menerima surat Bank atau secara langsung dari Penyata Akaun dan membuat laporan dengan mengisi borang aduan Pemegang Kad di Cawangan terdekat atau menghantar e-mel ke yourvoice@affinbank.com.my atau dengan menelefon:

i. Pusat Panggilan di 03-8230 2222

10. PENGECUALIAN LIABILITI

- 10.1 Bank tidak akan bertanggungjawab di atas kerosakan atau kerugian akibat kecuaiannya Pemegang Kad.
- 10.2 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan kepada Pemegang Kad yang disebabkan oleh tindakan atau ketinggalan mana-mana peniaga oleh VISA International.
- 10.3 Pemegang Kad boleh membuat tuntutan atau pertikaian terus dengan peniaga atau VISA International.
- 10.4 Bank tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana peniaga mengubah harga produk dan perkhidmatan yang sama yang dibeli dengan Kad.
- 10.5 Bank tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana institusi kewangan atau peniaga enggan untuk menerima Kad.
- 10.6 Bank tidak akan bertanggungjawab atas pertikaian terhadap produk dan/atau perkhidmatan yang dibeli dengan Kad.

11. HAK-HAK PIHAK YANG TERLIBAT

11.1 Pihak Bank berhak mengikut budi bicaranya:

- a. Mengehadkan perbelanjaan harian Pemegang Kad atau menolak dan dengan jalan lain enggan memberikan Akaun Kad (dengan budi bicara mutlak dan tanpa memberikan notis dan sebab).
- b. Tidak bersetuju mengeluarkan semula, memperbaharui dan menggantikan Kad tanpa memberi notis jika Pemegang Kad didapati menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang atau Akaun Kad Pemegang Kad tidak dikendalikan dengan sewajarnya.
- c. Untuk menyemak Akaun Kad pemohon Kad dan Pemegang Kad pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh Bank dengan memberikan notis kepada Pemegang Kad.

12. TRANSAKSI LUAR NEGARA DAN TRANSAKSI TANPA KAD (CNP)

- 12.1 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk melakukan transaksi luar negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad melainkan Bank dimaklumkan terlebih dahulu tentang tujuan untuk menggunakan Kad untuk transaksi luar negara. Pemegang Kad dikehendaki mengaktifkan Kad sebelum ke luar negara dengan melawati Cawangan terdekat kami, jika tidak, transaksi luar negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad tersebut akan ditolak.
- 12.2 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad untuk membuat transaksi di luar Malaysia di mana adanya Peniaga Yang Dibenarkan dan/atau Pusat Pengeluaran Tunai Sah melalui rangkaian VISA dan VISA Plus.
- 12.3 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad untuk Pengeluaran Wang Tunai melalui ATM dengan logo VISA yang telah ditetapkan dan Pemegang Kad harus memastikan semua transaksi antara negara tidak menyalahi undang-undang di mana transaksi itu dilakukan.
- 12.4 Apabila Pemegang Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi yang dibuat akan ditukarkan ke Ringgit Malaysia dimana kadar tukaran ditentukan oleh VISA International pada tarikh ia diproses oleh VISA International dan ditambah sehingga 1% kadar hasil tukaran asing (sebelum ini dikenali sebagai kos pentadbiran).
- 12.5 Sekiranya PIN tidak disokong atau tidak boleh dilaksanakan untuk transaksi di luar negara, kedatangan Pemegang Kad diperlukan oleh Saudagar Berkuasa di terminal POS elektronik.

13. PENAMATAN

- 13.1 Bank boleh menamatkan Perjanjian yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini dengan memberi notis bertulis tentang hal itu pada bila-bila masa.
- 13.2 Pemegang Kad boleh menamatkan Perjanjian yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini dengan memberi notis bertulis kepada Bank, memotong dua kad di bahagian jalur magnetik dan cip dan memulangkan Kad kepada Bank.
- 13.3 Penamatan tersebut akan berkuatkuasa tertakluk kepada peruntukan perenggan yang berikut dalam fasal ini, setelah notis diterima oleh pihak berkenaan:
 - a. Pemegang Kad gagal untuk menjalankan dan/atau mematuhi Terma dan Syarat yang menguasai penggunaan Kad; atau
 - b. Bank dengan notis awal yang wajar, menggantung, membatalkan atau menarik balik hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad dengan terjadinya mana-mana yang berikut:

- i. Pemegang Kad meninggal dunia, tidak mampu bayar, melakukan tindakan kebangkrapan atau dalam kes Pemegang Kad adalah sebuah syarikat, menerima petisyen untuk penggulangan syarikat atau syarikat dengan sukarela meluluskan resolusi penggulangan syarikat; atau
- ii. Pemegang Kad gagal membayar lain-lain hutang kepada Bank apabila cukup tempoh; atau
- iii. Sekiranya pada pandangan pihak Bank, Akaun Kad Pemegang Kad dengan pihak Bank (termasuk mana-mana akaun Ahli Kad yang boleh wujud dengan pihak Bank atau mana-mana institusi lain) adalah atau tidak dikendalikan dengan baik dan/atau sekiranya Ahli Kad melakukan atau mengugut untuk melakukan pengingkaran terhadap mana-mana perjanjian, atau sekuriti yang berkaitan dengan akaun- akaun lain atau kemudahan pinjaman yang diberikan oleh pihak Bank atau pihak-pihak lain kepada Pemegang Kad yang mana Pemegang Kad merupakan penjamin, penggadai atau penyerah hak; atau
- iv. Sebarang arahan untuk pelaksanaan, writ penahanan, garnishmen atau mana-mana prosiding undang-undang yang dikeluarkan terhadap Pemegang Kad; atau
- v. Sekiranya sesuatu keadaan wujud atau berlaku yang mana menurut budi bicara mutlak pihak Bank mampu:
 - Mewujudkan prejudis terhadap kemampuan Pemegang Kad untuk melaksanakan dan/atau mematuhi obligasi di sini; atau
 - Prejudis terhadap pembayaran balik sebarang amaun yang perlu dibayar kepada pihak Bank.

c. atau Pemegang Kad membatalkan Kad.

- 13.4 Perjanjian yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini diambilkira terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya jika dan bila dan setakat mana-mana transaksi yang disempurnakan tetapi tidak didebit kepada akaun sebelum penamatannya.
- 13.5 Penamatan Perjanjian yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjejaskan sebarang liabiliti berhubung dengan perkara yang telah dilakukan atau lalai untuk melakukannya sebelum penamatan.
- 13.6 Hak dan remedi Bank terhadap Pemegang Kad tidak akan terjejas berikutan penamatan.
- 13.7 Berikutan penamatan, pihak Bank berhak untuk mengambil tindakan terhadap Pemegang Kad untuk mendapat kembali sebarang amaun yang dihutang oleh Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini termasuk sebarang yuran-yuran, caj-caj atau lain-lain bayaran yang dihutang kepada pihak Bank dan Pemegang Kad bertanggungjawab untuk membayar kos-kos yang ditanggung oleh pihak Bank (termasuk yuran-yuran guaman atas dasar peguam dan anak guam).
- 13.8 Pihak-pihak di sini bersetuju bahawa penyampaian sebarang proses guaman, termasuk saman, hendaklah disampaikan kepada pihak lain secara serahan tangan atau dihantar melalui pos berbayar kepada alamat pihak yang lain yang tercatat di dalam borang permohonan atau kepada alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan penyampaian sedemikian hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad tiga (3) hari selepas pengeposan.
- 13.9 Berikutan penamatan, Bank boleh menutup Akaun Kad jika perlu dan budi bicara Bank tidak boleh dipertikaikan oleh Pemegang Kad.

14. PELBAGAI

14.1 UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini tertakluk dan hendaklah diertikan kepada Undang-undang semasa Malaysia. Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan patuh terhadap bidang kuasa Mahkamah di Malaysia. Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa penyampaian apa-apa proses

boleh dikuatkuasakan dengan mengeposnya kepada Pemegang Kad dengan cara yang disebutkan di dalam klusa 14.8.

14.2 PENGECUALIAN

Masa hendaklah menjadi intipati Perjanjian ini tetapi kegagalan untuk melaksanakan dan penangguhan untuk melaksanakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan dianggap sebagai penepian bagi pihak Bank dan mana-mana sesuatu pelaksanaan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan menghalang pelaksanaan selanjutnya atau pelaksanaan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang lain. Hak dan remedi yang tertera di sini adalah kumulatif dan tidak termasuk mana-mana hak atau remedi yang diberikan oleh undang-undang.

14.3 PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

Walau apa pun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan akan kekal walaupun Kad dibatalkan, dimansuhkan atau digantung oleh Bank.

14.4 PERUBAHAN PERJANJIAN

Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank dari semasa ke semasa boleh mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari Kalendar sebelum pelaksanaan. Sekiranya Pemegang Kad tidak bersetuju dengan perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut, Pemegang Kad hendaklah menyerahkan kembali Kad yang dipotong dua pada bahagian jalur magnetik dan cip kepada Bank, jika tidak Pemegang Kad dianggap telah menerima perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut.

14.5 PENDEDAHAN

Pemegang Kad dengan ini memberikan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan akaun Pemegang Kad, Pemegang Kad dan apa sahaja kemudahan seperti yang dituntut oleh undang-undang atau pihak berkuasa pengawalan atau apabila dianggap wajar oleh Bank dalam pelaksanaan kontrak:

- a. Kepada mana-mana peniaga, bank atau institusi kewangan, VISA International dan mana-mana ahli institusi VISA International atau mana-mana pihak yang berkepentingan untuk memudahkan penggunaan Kad.
- b. Kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
- c. Untuk perbuatan atau tindakan yang bertujuan atau berhubung kait dengan pemungutan semula wang yang cukup tempoh dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank.
- d. Untuk tujuan pelaksanaan kontrak atau transaksi seperti yang dituntut oleh undang-undang.

14.6 NOTIS DAN KOMUNIKASI KEPADA BANK

- a. Pemegang Kad dengan ini mengaku untuk memberitahu pihak Bank dalam bentuk bertulis dengan segera tentang sebarang perubahan butir-butir peribadi, pertukaran alamat kediaman, nombor telefon dan/atau penggajian atau perniagaan.
- b. Sebarang penyata akaun atau notis kepada Pemegang Kad boleh dihantar melalui tangan atau dihantar melalui kiriman prabayar ke alamat Pemegang Kad yang dinyatakan di dalam borang permohonan Kad Bank atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad darimasa ke semasa dan serahan dianggap diterima oleh Pemegang Kad dalam masa tujuh (7) hari bekerja selepas kiriman dilakukan. Kegagalan Pemegang Kad untuk memaklumkan tentang penukaran alamat yang menyebabkan kelewatan atau pemulangan mana-mana penyata, surat-menyurat dan notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah perjanjian ini.
- c. Alamat dan nombor telefon terakhir Pemegang Kad adalah alamat dan nombor

telefon Pemegang Kad yang betul sekiranya tiada apa-apa pengakuan penerimaan perubahan alamat dan nombor telefon oleh pihak Bank. Bebanan adalah ke atas Pemegang Kad untuk membuktikan bahawa pihak Bank telah menerima dan melaksanakan perubahan, sekiranya ada.

14.7 DOKUMEN TAMBAHAN

Pemegang Kad dengan ini mengaku untuk menandatangani apa-apa dokumen tambahan yang diminta oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan Pemegang Kad dengan ini berjanji dan bersetuju bahawasanya, dokumen tambahan tersebut pada pilihan pihak Bank akan berkuatkuasa secara retrospektif.

14.8 PENYAMPAIAN NOTIS

Pihak-pihak kepada Perjanjian ini dengan ini bersetuju bahawa penyampaian sebarang notis dan/atau saman dan penyata tuntutan akibat daripada atau berkaitan dengan saman tersebut melalui pos ke alamat Pemegang Kad yang terakhir yang dinyatakan dalam borang permohonan Bank atau alamat lain yang dimaklumkan kepada Bank oleh Pemegang Kad dari semasa ke semasa akan dianggap telah disampaikan pada masa kiriman notis dan/atau saman dan penyata tuntutan dibuat.

14.9 SIJIL KETERHUTANGAN

Sesuatu sijil keterhutangan yang dikeluarkan oleh pihak Bank hendaklah muktamad dan dijadikan keterangan muktamad di dalam Mahkamah Undang-Undang yakni ke atas jumlah semasa yang perlu dibayar dan dibayar oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank perlu dibayar Pemegang Kad kepada Bank.

14.10 PENGASINGAN

Ketidaksahan atau ketidakbolehan penguatkuasaan fasal-fasal di sini tidak akan memansuhkan tujuan Perjanjian ini dan fasal-fasal yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah diasingkan dan ketidaksaan dan ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana terma-terma atau syarat-syarat. Perjanjian ini tidak akan menjejaskan kesahan terma-terma atau fasal-fasal yang lain dan hendaklah kekal berkuatkuasa.

14.11. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN SEKATAN KEWANGAN BERSASAR (AML/CFT DAN TFS)

Pihak Bank diwajibkan di bawah Pencegahan Perubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar (AML/CFT dan TFS) dan/atau lain-lain undang-undang dan peraturan-peraturan untuk melaporkan transaksi tertentu kepada Bank Negara Malaysia dan/atau pihak lain yang berkaitan dan Pemegang Kad dengan ini membenarkan dan bersetuju bahawa pihak Bank, pegawai dan pekerjaannya tidak menanggung sebarang liabiliti untuk membuat laporan tersebut.

14.12 NOTIS PRIVASI

- a. Pemegang Kad dengan ini mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank dan fasal di dalamnya, seperti yang berhubung dengan pemprosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad bersetuju Notis Privasi tersebut dianggap telah digabungkan dengan rujukan ke dalam Perjanjian ini.
- b. Pemegang Kad mengesahkan dan bersetuju dengan terma Fasal Privasi di dalam laman web Bank.
- c. Jika Pemegang Kad memberi maklumat peribadi dan/atau kewangan pihak ketiga, termasuk maklumat waris dekat dan tanggungan atau maklumat tentang pengarah, pemegang saham, pegawai, individu, penjamin dan pembiaya sekuriti (untuk syarikat) bagi tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan dengan Bank atau melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Kad:
 - i. Mengesahkan yang dia telah mendapat persetujuan mereka dan/atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat tersebut kepada Bank dan untuk menggunakannya bagi mematuhi Perjanjian ini;
 - ii. Bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan

- iii. Bersetuju untuk mengemaskini maklumat kepada Bank secara bertulis jika ada perubahan ke atas maklumat peribadi dan kewangan tersebut.
- d. Apabila Pemegang Kad mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa transaksi sebarang sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran) butiran yang berkaitan dengan transaksi sebarang sempadan (termasuk maklumat berkenaan sesiapa yang terbabit dalam transaksi tersebut) boleh diterima atau dihantar ke luar negara, dimana ianya boleh diperolehi (secara langsung atau tidak langsung) oleh pihak pengawalan dan pihak berkuasa luar negara dalam menjalankan tugas sah mereka (contohnya dalam mencegah jenayah). Apabila Pemegang Kad mengarahkan Bank atau ejennya untuk melaksanakan apa-apa transaksi sebarang sempadan bagi pihak Pemegang Kad, Pemegang Kad dengan ini bersetuju dengan pendedahan bagi pihak dirinya dan pihak lain yang berkenaan dalam transaksi sebarang sempadan tersebut.
- e. Di samping itu, tetapi tertakluk kepada apa-apa undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang dikenakan kepada Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pemegang Kad dengan ini bersetuju yang Bank dan syarikat lain di bawah Kumpulan AFFIN boleh menghubungi Pemegang Kad berkenaan dengan produk, perkhidmatan dan tawaran yang mungkin menarik minat Pemegang Kad atau memberi faedah kewangan kepada mereka. Namun begitu, Pemegang Kad boleh memilih keluar daripada pemasaran langsung tersebut dengan menghubungi nombor telefon atau menulis kepada alamat di bawah. Merujuk kepada peniaga, rakan kongsi strategik, ejen dan penasihat profesional yang bukan sebahagian daripada Kumpulan AFFIN, Bank tidak akan membuat apa-apa usaha pemasaran langsung kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Pemegang Kad.
- f. Bank boleh menghubungi Pemegang Kad melalui saluran yang pelbagai, termasuk telefon, komputer atau surat menggunakan maklumat yang diberi oleh Pemegang Kad.
- g. Pemegang Kad boleh memaklumkan Bank pada bila-bila masa untuk memilih keluar sekiranya dia tidak mahu menerima komunikasi pemasaran dari Bank, ahli Kumpulan AFFIN yang lain dan/atau peniaga kami dan rakan kongsi strategik dengan melawat Cawangan AFFIN BANK atau AFFIN ISLAMIC berdekatan.
- h. Pemegang Kad dengan ini mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web Bank mengandungi maklumat lazim tentang produk dan perkhidmatan lain Bank dan tidak boleh disingkirkan tanpa menjejaskan serahan/peruntukan perkhidmatan dan/atau produk Bank, pengendalian akaun Pemegang Kad dan/atau kemudahan dengan Bank, dan/atau kos tambahan kepada Bank.
- i. Bank boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu dalam membuat keputusan, contohnya apabila ada keperluan untuk:
 - i. menyemak butiran dalam permohonan kredit dan yang berkenaan dengan kredit dan kemudahan lain;
 - ii. menguruskan akaun kredit dan yang berkenaan dengan kredit dan kemudahan lain, termasuk menjalankan tinjauan ke atas portfolio Pemegang Kad; dan/atau
 - iii. mendapatkan kembali hutang.
- j. Pemegang Kad akan dihubungkan oleh agensi-agensi rujukan kredit kepada mana-mana nama yang mungkin digunakan atau telah digunakan oleh Pemegang Kad, dan kepada mana-mana pemohon bersama atau berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat berkenaan Pemegang Kad dan bagaimana pengurusnya menguruskan akaun/kemudahan dengan agensi-agensi rujukan kredit yang berkenaan.
- k. Pemegang Kad tidak boleh menahan pihak Bank untuk bertanggungjawab ke atas mana-mana semakan kredit yang dilanggan oleh Bank. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab untuk mengemaskini kepada agensi laporan kredit sekiranya terdapat sebarang perubahan dengan status kredit seperti yang dinyatakan di dalam laporan kredit. Pemegang Kad bersetuju Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya laporan kredit mereka diterbitkan tanpa sebarang kecauaian di pihak Bank.

14.13 TERMA DAN SYARAT YANG LAIN

Terma dan Syarat yang terkandung di sini hendaklah dianggap sebagai tambahan dan bukannya pengurangan terhadap mana-mana perjanjian khusus atau pengurusan berkenaan setiap kemudahan di bawah kemudahan Kad pada masa ini atau seterusnya dari semasa ke semasa yang sedia ada antara Bank dan Pemegang Kad atau mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan dalam mana-mana surat tawaran yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa.

Selaras dengan komitmen pihak Bank untuk meningkatkan kemudahan dan faedah-faedah Pemegang Kad, pihak Bank boleh menilai semula dan menyemak ciri-ciri dan faedah-faedah yang disenaraikan di dalam Perjanjian Pemegang Kad ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari Kalendar terlebih dahulu, melalui laman sesawang pihak Bank atau notis bertulis kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dinasihatkan untuk merujuk kepada terma dan syarat yang dikemas kini di laman sesawang pihak Bank di www.affinalways.com dari semasa ke semasa. Terma dan syarat terkini yang terdapat di laman sesawang pihak Bank hendaklah menggantikan semua terma dan syarat terdahulu yang dibuat di antara pihak Bank dan Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini.

AFFIN CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. AFFIN BANK dan AFFIN ISLAMIC adalah ahli PIDM.

Nota: Walau apa pun yang tersebut di atas, apabila permintaan dibuat oleh anda untuk mendapatkan versi dalam Bahasa Inggeris, Bank hendaklah menyediakan anda dengan versi dalam Bahasa Inggeris dengan sewajarnya.

AFFIN BANK BERHAD & AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD

Isi Kandungan 2024 © Affin Bank Berhad 197501003274 (25046-T)

Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)